

**SOALAN NO: 29**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATUK WILLIAM @ NYALLAU ANAK BADAQ**  
**[ LUBOK ANTU ]**  
**TARIKH : 26 JULAI 2017**  
**SOALAN : 29**

**YB Datuk William @ Nyallau anak Badak [ Lubok Antu ] minta**  
**MENTERI KESIHATAN menyatakan:-**

Apa sebab pelaksanaan pembinaan klinik baru kesihatan di daerah Lubok Antu tidak dapat dimulakan walaupun tapak sudah pun disediakan.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Perancangan pembinaan Klinik Kesihatan Lubok Antu yang baru telah pun diluluskan untuk dimulakan pada tahun 2015 (*Rolling Plan* (dengan izin) Ke-4 / Rancangan Malaysia Ke-10) dengan skop projek Klinik Kesihatan Jenis 4 (KK4). Projek ini sedang dalam peringkat perincian rekabentuk oleh juruperunding yang dilantik pihak agensi pelaksana (JKR Sarawak). Proses tender dijangka dapat dilaksanakan pada September 2017 setelah pembangunan pelan rekabentuk disiapkan. Kerja-kerja pembinaan di tapak dijangka dapat dimulakan pada akhir tahun ini.

Untuk makluman, Projek Klinik Kesihatan (Jenis 4) Lubok Antu, Sri Aman telah diluluskan oleh Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (UPE, JPM) untuk dilaksanakan di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) tahun 2015. Perincian pelaksanaan projek ini adalah seperti berikut:

- Kos Projek : RM35,000,000.00
- Skop Projek : 1) Bangunan baru Klinik Kesihatan Jenis 4;  
2) Kuarters: 2D, 4F dan 4G  
3) Peralatan Perubatan dan Bukan Perubatan (Group 3 & 4)
- Kaedah Pelaksanaan : Konvensional Perunding
- Kaedah Perolehan : Tender Terbuka
- Status Pelaksanaan : 1) Proses memuktamadkan rekabentuk Projek telah selesai pada Jun 2017.  
2) Projek ini dijangka akan ditender pada bulan Oktober 2017 dan dijangka siap pada Ogos 2020.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kementerian ini bersama Jabatan Kerja Raya dan Agensi-agensi Kerajaan yang lain sentiasa bekerjasama dengan erat bagi memastikan projek ini berjalan dengan lancar.

Adalah menjadi aspirasi Kementerian ini agar projek ini disiapkan pada masa, kos dan standard yang telah ditetapkan.